

## LHDN kesan elemen pelarian cukai dalam syarikat minyak masak bersubsidi

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin - Mac 24, 2022 @ 8:07pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Pelaksanaan Operasi Subsidi Minyak Masak atau Op Saji Bilangan 1/2022 dibuat berdasarkan analisis awal terhadap senarai syarikat penerima subsidi minyak masak.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dalam kenyataan, hari ini, memaklumkan pihaknya mendapati terdapat elemen pelarian cukai pendapatan dalam kalangan syarikat terbabit.

Katanya, fokus dalam operasi adalah untuk menyiasat kegagalan syarikat dan kilang pembungkusan semula (repacker) atau pembungkusan minyak masak bersubsidi yang melaporkan amaun pendapatan layak dikenakan cukai, amaun jualan sepatutnya dan mendaftar fail cukai dengan LHDN.

"Dalam Op Saji ini, sebanyak 63 syarikat dan kilang-kilang 'repacker' minyak masak bersubsidi disiasat.

"Daripada 63 syarikat itu, semakan awal mendapati sebanyak 44 syarikat melaporkan pendapatan kurang, manakala 19 syarikat lagi tidak mempunyai fail cukai pendapatan.

"Selain itu, semakan turut dilakukan terhadap 127 pengarah syarikat yang berkaitan dengan Op Saji ini," katanya.

Menurutnya, berdasarkan semakan awal bagi tempoh 21 Mac lalu sehingga semalam, LHDN menganggarkan sebanyak RM1 bilion pendapatan diperoleh oleh syarikat-syarikat penerima subsidi ini tidak dilaporkan bagi Tahun Taksiran 2018 sehingga 2020.

"Daripada RM1 bilion pendapatan tidak dilaporkan ini, LHDN menjangkakan sebanyak RM200 juta cukai mampu dikutip semula melalui pelaksanaan Op Saji," katanya.

Mengulas mengenai isu penyelewengan minyak masak bersubsidi yang diterima oleh syarikat disiasat dalam Op Saji ini, LHDN menjelaskan kekeliruan yang timbul dalam pelaporan beberapa akhbar tempatan.

"Kami mahu menegaskan bahawa dalam Op Saji ini, pihak LHDN tidak membuat siasatan berkenaan kemungkinan kewujudan penyelewengan minyak masak bersubsidi atas kesedaran bahawa itu adalah di luar skop kami dan ia adalah bidang tugas kementerian berkaitan.

"Kami percaya tindakan penguatkuasaan sentiasa dilakukan oleh kementerian berkaitan dan kami dimaklumkan bahawa syarikat yang dibuktikan bersalah sudah dikenakan tindakan," katanya.

"Dalam hal ini, LHDN akan memberikan kerjasama kepada kementerian berkenaan dalam usaha kolektif dengan semua kementerian dan agensi kerajaan.

"Ia bagi membendung sebarang bentuk penyelewengan dan ketirisan hasil negara dengan mengambil kira pendekatan 'Whole of Government' seperti ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob," katanya.

Menurutnya, pelaksanaan Op Saji ini adalah antara agenda kerjasama bersepadu dengan semua agensi kerajaan bagi menzahirkan peranan serta fungsi setiap agensi kerajaan dalam memerangi sebarang salah laku yang boleh membantutkan pertumbuhan ekonomi negara serta menjejaskan kesejahteraan Keluarga Malaysia.